

BAB 3

PENTADBIRAN ZAKAT MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

3.0 Pendahuluan

MAIWP berperanan sebagai pemangkin pembangunan sosioekonomi umat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Sejak penubuhan MAIWP pada 1 Februari 1974, ia terus bergerak sebagai satu badan yang bertanggungjawab dalam mengutip zakat dan mengagihnya kepada asnaf-asnaf yang berkaitan. Penubuhan Pusat Pungutan Zakat oleh MAIWP pada tahun 1991 telah membantu meningkatkan lagi urusan pungutan zakat di Wilayah Persekutuan. Manakala Baitulmal MAIWP bertanggungjawab untuk mengagihkan zakat kepada asnaf-asnaf. Sebanyak 27 jenis skim bantuan yang disediakan oleh MAIWP untuk membantu para asnaf dan salah satunya ialah Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang untuk asnaf fizabilillah yang menjadi fokus dalam kajian ini.¹

3.1 Organisasi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

3.1.1 Latar Belakang Penubuhan MAIWP²

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah ditubuhkan pada 1 Februari 1974 serentak dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. MAIWP selepas itu turut bertanggungjawab kepada Labuan dan Putrajaya selepas masing-masing diumumkan

¹ “27 Skim Bantuan Baitulmal MAIWP”, laman sesawang *Pusat Pungutan Zakat*, dicapai pada 20 Mei 2013, <http://www.zakat.com.my/images/pdf/laporan/laporan2010.pdf>.

² <http://www.maiwp.gov.my/maiwp/index.php/info-maiwp/maklumat-korporat>, dicapai 30 Mac 2013

sebagai Wilayah Persekutuan pada 16 April 1984 dan 1 Februari 2001. Peranan dan tanggungjawab MAIWP dijelaskan oleh perkara berikut:

a. Perkara 3 (5) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa :

“Walau apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua ugama Islam dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh dengan undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengadakan peraturan mengenai hal-ehwal ugama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihatkan Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara berhubung dengan ugama Islam.”

b. Seksyen 4(1), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, [Akta 505] memperuntukkan bahawa:-

“Maka hendaklah ada suatu badan yang dikenali sebagai “Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan,” untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.”

c. Seksyen 31, Akta 505 memperuntukkan:-

“Majlis hendaklah membantu dan menasihati Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan, kecuali perkara-perkara Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong, kecuali jika diperuntukan selainnya dalam Akta ini”. Sebagaimana yang dinyatakan oleh

peruntukan Akta 505 tersebut, MAIWP adalah dinaungi oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

3.1.2 Objektif MAIWP³

Penubuhan MAIWP, ini mempunyai objektif seperti berikut iaitu:

- a. Membentuk dan mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang dinamis dan progresif yang sentiasa mencari keredhaan Allah.
- b. Memupuk keimanan dan mengukuhkan ukhuwah Islamiah di kalangan orang-orang Islam di Wilayah Persekutuan khasnya dan Malaysia bagi mencapai perpaduan ummah.
- c. Memperbanyakkan usaha-usaha kebajikan dan mencegah kemungkaran dalam masyarakat Islam.
- d. Melaksanakan usaha-usaha menambah harta MAIWP melalui pelaburan dan usaha-usaha halal yang lain bagi faedah umat.

Berdasarkan objektif ini kita dapat melihat bahawa MAIWP mempunyai peranan dan tanggungjawab yang sangat besar untuk membawa masyarakat Islam ke arah kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

³ Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, *Laporan Tahunan 2009* (Kuala Lumpur: MAIWP, 2009), 9.

3.1.3 Strategi MAIWP⁴

Selaras dengan objektif penubuhannya MAIWP telah mengatur strategi yang mantap untuk mencapai objektif yang diingini. Strategi MAIWP adalah seperti berikut iaitu

- a. Menyediakan kemudahan pendidikan agama yang secukupnya bagi keperluan umat Islam.
- b. Menyediakan kemudahan tempat-tempat beribadat secukupnya bagi keperluan umat Islam.
- c. Meluas dan meninggikan mutu perkhidmatan dan kebajikan agama.
- d. Memperluaskan kegiatan dakwah termasuk membantu dan memandu kegiatan badan-badan dakwah.
- e. Memperbanyak dan memajukan tanah-tanah wakaf.
- f. Mempertingkatkan kegiatan kutipan zakat.
- g. Menguatkuasakan segala aspek undang-undang pentadbiran agama Islam.
- h. Mempertingkatkan kegiatan ekonomi dalam bidang ekonomi dalam bidang perniagaan, pembangunan dan pelaburan.

3.1.4 Bahagian MAIWP⁵

MAIWP mempunyai sepuluh bahagian yang mempunyai fungsi masing-masing. Bahagian-bahagian tersebut adalah Khidmat Pengurusan, Kewangan, Teknologi Maklumat, Pembangunan dan Pelaburan, Baitulmal, Pembangunan Insan, Audit Dalaman, Undang-undang, MAIWP Labuan dan SMA-MAIWP. Dengan adanya bahagian-bahagian ini menjadikan MAIWP sebuah organisasi yang mantap dan mampu bersaing dengan Majlis-

⁴ Ibid., 9.

⁵ <http://www.maiwp.gov.my>, dicapai 10 Februari 2011.

majlis Agama Islam di negeri-negeri lain. Bahagian yang menjadi fokus kajian ini ialah bahagian Baitulmal yang bertanggungjawab dalam melaksanakan agihan zakat kepada lapan asnaf merangkumi 27 jenis bantuan.

3.1.5 Skim Bantuan MAIWP

MAIWP telah menyediakan 27 skim bantuan zakat yang boleh dikategorikan kepada empat program utama iaitu bantuan pembangunan sosial, pembangunan pendidikan, pembangunan ekonomi dan pembangunan institusi agama.

3.1.5.1 Program Pembangunan Sosial.

Program Pembangunan Sosial boleh dibahagikan kepada tiga jenis bantuan iaitu:

- a. Bantuan kepada fakir, miskin dan mualaf.

Bantuan kepada asnaf fakir, miskin dan mualaf dalam bentuk bantuan kewangan bulanan. Penerima agihan zakat dari asnaf-asnaf ini menerima bantuan sebanyak RM300-RM500 setiap bulan. Dalam tahun 2010 MAIWP telah mengagihkan sebanyak RM30 juta kepada 9,000 orang golongan fakir, miskin dan mualaf ini. Selain bantuan kewangan bulanan, MAIWP juga membantu mereka dengan memberikan kursus-kursus kemahiran seperti jahitan dan masakan sebagai asas untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan. MAIWP juga telah menyediakan bantuan sewa rumah sebanyak RM1.64 juta setiap tahun bagi menampung keperluan kediaman mereka.

b. Bantuan pesakit kronik.

Sehingga Oktober 2010 sebanyak RM1.32 juta dibelanjakan kepada 519 orang pesakit kronik yang menghidap sakit jantung, kanser dan sebagainya untuk mendapatkan rawatan di hospital. Bantuan ini untuk menampung kos rawatan, ubat-ubatan, kelengkapan perubatan dan sebagainya. Selain itu, seramai 334 orang pesakit buah pinggang menerima bantuan sebanyak RM8.46 juta bagi menjalani rawatan hemodialisis. Dalam masa yang sama MAIWP telah melantik 23 klinik panel dialisis untuk memudahkan pesakit buah pinggang mendapat rawatan.⁶

c. Bantuan musibah

Penerima bantuan musibah seperti banjir, ribut, kebakaran dan sebagainya turut mendapat perhatian MAIWP. Seramai 136 orang telah menerima bantuan zakat RM141,100.00 dari Januari hingga Oktober 2010 untuk meringankan beban akibat kesusahan yang menimpa mereka.

3.1.5.2 Pembangunan Pendidikan

Menyedari kepentingan pendidikan dalam melahirkan modal insan yang berkualiti MAIWP telah memberikan bantuan kepada golongan pelajar di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi. Dua kategori bantuan disediakan kepada golongan pelajar iaitu kategori pertama kepada asnaf fakir dan miskin dan kategori kedua kepada asnaf fisabilillah. Para pelajar yang tersenarai sebagai penerima bantuan di peringkat sekolah dibantu sepenuhnya

⁶ Anan C. Mohd, “ Agihan Zakat: Isu, Impak dan Pengharapan” (Kertas kerja, Wacana Intelektual, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), 26 Oktober 2010), 2.

yuran, pakaian seragam dan peralatan sekolah. Manakala pada peringkat pengajian tinggi bantuan merangkumi kos pengajian dan elaun sara hidup setiap pelajar. Pada peringkat sekolah rendah dan menengah MAIWP menyalurkan bantuan dermasiswa kepada 16,056 orang pelajar daripada keluarga fakir dan miskin agar mereka tidak tercicir dalam pelajaran. Sebanyak RM9 juta telah diagihkan untuk membantu pelajar daripada keluarga fakir dan miskin sehingga Oktober 2010.⁷

Bagi asnaf fisabilillah Baitulmal MAIWP menyediakan dua jenis bantuan iaitu Bantuan Am Pelajaran dan Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang. Bagi bantuan Am Pelajaran Baitulmal memperuntukan RM5000.00 setahun bagi pelajar di luar negara dan RM4,000.00 setahun pelajar dalam negara. Manakala bantuan sebanyak RM3000.00 untuk pelajar di peringkat diploma dan RM 1500.00 di peringkat sijil setahun.

3.1.5.3 Pembangunan Ekonomi

Sebanyak RM2.76 juta modal telah disalurkan untuk membantu 1,024 orang usahawan kecil di Wilayah Persekutuan sepanjang Januari hingga Oktober 2010. Bantuan yang diberi meliputi modal perniagaan, pertanian, penternakan dan modal pusingan.

⁷ Ibid., 3-4

3.1.5.4 Pembangunan Institusi Agama

MAIWP telah berganding bahu bersama-sama dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO), masjid, surau dan institusi pendidikan dalam meningkatkan lagi pembangunan sosioekonomi umat Islam di Wilayah Persekutuan. Sebagai tanda penghargaan dan sokongan atas usaha mereka ini MAIWP telah menyalurkan sumbangan RM19.03 juta bagi membiayai aktiviti-aktiviti kebajikan dan dakwah dari Januari hingga Oktober 2010.⁸

Antara Institusi-institusi yang dibiayai menerusi peruntukan zakat oleh MAIWP ialah, Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP), Sekolah Menengah Imtiaz MAIWP, Sekolah Menengah Agama MAIWP Labuan, Institut Profesional Baitulmal (IPB), Institut Kemahiran Baitulmal (IKB), Hospital PUSRAWI, Kolej Kejururawatan PUSRAWI, Kompleks Darul Kifayah, Institusi Perlindungan Gadis dan Wanita (Dar Assaadah), Tadika Islam Wilayah Persekutuan, Taska Darul Hanan dan Yayasan Taqwa. MAIWP juga telah menggunakan peruntukan zakat bagi projek-projek dalam perancangan seperti Pusat Dialisis MAIWP, Pusat Perlindungan Saudara Baru (Darul Hidayah), Pusat Sembelihan MAIWP, Rumah Perlindungan Warga Emas dan Rumah Perlindungan Pesakit HIV/AIDS.⁹

3.2 Kutipan Zakat MAIWP dari Tahun 2007- 2011


Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) adalah agensi yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan mula beroperasi pada 1 Januari 1991. Tujuan penubuhan agensi ini ialah bertujuan untuk

⁸ Ibid., 5.

⁹ Ibid., 12.

mengutip semua jenis zakat harta. PPZ-MAIWP menjadi contoh organisasi kutipan zakat di Malaysia kerana pertama kali beroperasi menggunakan komputer. Kecekapan dan keberkesanannya meningkatkan kutipan zakat dari setahun ke setahun serta memperkenalkan pelbagai kaedah yang berkesan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat Islam untuk mengeluarkan zakat.¹⁰

Rajah 3.1: Jumlah Kutipan Zakat MAIWP Dari Tahun 2007- 2011



Sumber: Pusat Pungutan Zakat¹¹ dan Buletin MAIWP¹².

Secara keseluruhannya dalam tempoh lima tahun daripada 2007 hingga 2011 jumlah kutipan zakat adalah sebanyak RM1.2 bilion. Prestasi kutipan zakat dalam tempoh tersebut menunjukkan bahawa kutipan zakat sentiasa meningkat dari setahun ke setahun. Kutipan zakat tertinggi dicatatkan pada tahun 2011 sebanyak RM367.8 juta. Peningkatan jumlah kutipan zakat setiap tahun disebabkan oleh jumlah pembayar zakat yang semakin

¹⁰ “Sejarah penubuhan PPZ”, laman sesawang Pusat Pungutan Zakat, dicapai 20 Mei 2013, [http://www.zakat.com.my/en/sejarah.html?tmpl=component&print=1&page=.](http://www.zakat.com.my/en/sejarah.html?tmpl=component&print=1&page=)

¹¹ “Kutipan Zakat Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP),” (Laporan Kutipan dan Agihan Zakat MAIWP 2010-2011, Pusat Pungutan Zakat, 2011)

¹² “Pendapatan dan Perbelanjaan Zakat MAIWP 2011,” (Buletin MAIWP, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Januari 2012).

bertambah ekoran kempen-kempen membayar zakat melalui media cetak dan elektronik secara berterusan oleh PPZ-MAIWP. Bilangan pembayar zakat pada tahun 2010 seramai 89,110 orang berbanding 78,820 orang pada tahun 2009. Seterusnya, kutipan zakat pada 2011 meningkat sebanyak RM367.8 juta.

3.3 Agihan Zakat MAIWP dari Tahun 2007 - 2011

Jadual 3.1. Perbelanjaan Agihan Zakat Mengikut Asnaf Tahun 2007-2011

Asnaf	Tahun					Jumlah (RM juta)
	2007	2008	2009	2010	2011	
Fakir	19.4	20.5	36.1	36.9	55.7	168.6
Miskin	20.7	22.6	25.9	30.9	57.8	157.9
Amil	16.2	31.6	40.4	32.4	38.6	159.2
Mualaf	3.8	5.7	6.6	3.5	6.6	26.2
Al-Riqab	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.00
Al-Gharimin	1.4	1.7	2.2	2.5	3.8	11.6
Ibnu Sabil	0.4	0.4	0.5	0.6	2.1	4.0
Fisabilillah	59.4	85.0	63.3	93.7	192.1	493.5
Jumlah (RM juta)	121.3	167.5	175.0	200.5	356.7	1021.0

Sumber: Laporan Zakat 2008, Ringkasan Laporan zakat 2009-2010 dan Buletin MAIWP, Januari 2012.

Pengagihan zakat di MAIWP kepada lapan asnaf dari tahun 2007 hingga 2011 adalah berdasarkan jadual di atas. Dalam Tempoh tahun 2007-2011 agihan zakat terbesar ialah kepada asnaf fisabilillah berjumlah RM493.5 juta. Peruntukan untuk asnaf sentiasa bertambah setiap tahun. Ini kerana pentafsiran asnaf ketika ini diperluaskan bukan semata-mata berjihad pada jalan Allah. Bahkan termasuk aktiviti yang berkaitan dengan menegakkan syiar Islam. Manakala agihan zakat kepada asnaf fakir dan miskin dalam tempoh tersebut ialah masing-masing sebanyak RM168.6 juta dan RM157.9 juta. Bagi asnaf al-riqab tiada agihan zakat dibuat memandangkan perhambaan tidak lagi wujud pada

hari ini. Asnaf amil pula menerima agihan sebanyak RM159.2 juta. Manakala golongan asnaf mualaf pula menerima sebanyak RM26.2 juta dalam bentuk bantuan kewangan dan sokongan moral untuk meningkatkan penghayatan terhadap agama Islam. Agihan zakat kepada asnaf al-gharimin juga meningkat dalam tempoh 2007 hingga 2011 iaitu RM11.6 juta. Ini menunjukkan bahawa ada segelintir masyarakat Islam menerima wang zakat untuk melangsakan hutang.

3.4 Bahagian Baitulmal MAIWP

3.4.1 Latar Belakang Penubuhan Baitulmal MAIWP

Baitulmal MAIWP merupakan salah satu bahagian dalam Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang ditubuhkan mengikut Seksyen 60(1), Akta 505 yang telah memperuntukkan :

“Suatu Kumpulan Wang yang dikenali sebagai Baitulmal adalah dengan ini ditubuhkan. Kumpulan Wang itu hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih, yang menurut Hukum Syarak atau di bawah peruntukan-peruntukan. Akta ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya terakru, atau disumbangkan oleh mana-mana orang, kepada Kumpulan Wang.”

3.4.2 Objektif Penubuhan Baitulmal MAIWP

Objektif penubuhan Baitulmal adalah untuk menyediakan kaunter agihan zakat yang kondusif serta mesra pelanggan, menyediakan kemudahan skim bantuan yang sempurna merangkumi pelbagai aspek dan menyediakan aliran kerja yang seimbang bagi mempermudahkan sistem agihan zakat.

3.4.3 Fungsi Baitulmal MAIWP

Baitulmal MAIWP berfungsi untuk menguruskan dan mengendalikan agihan zakat kepada golongan asnaf, menguruskan penerimaan harta tanah wakaf dan pusaka, menguruskan penerimaan harta luqatah, sedekah, faraid, fidyah, kafarah, wasiat dan wang faedah di Wilayah Persekutuan dan menguruskan kutipan zakat fitrah bagi seluruh masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan.

3.5 Bentuk Agihan Zakat

Baitulmal MAIWP berperanan untuk memberikan bantuan kepada golongan asnaf iaitu fakir, miskin, amil, mualaf, al-riqab, al-gharimin, fisabilillah dan ibnu sabil. Terdapat 26 skim bantuan zakat Baitulmal MAIWP yang diletakkan di bawah lima unit sebagaimana terdapat dalam jadual di bawah yang mengandungi maklumat tentang jenis-jenis skim bantuan dan unit yang diwujudkan untuk melicinkan lagi urusan menyalurkan bantuan kepada para asnaf.

Jadual 3.2. Skim Bantuan Baitulmal MAIWP

Unit	Skim
Unit Pembangunan Asnaf	Bantuan Kewangan Bulanan
	Bantuan Ramadan
	Bantuan Perniagaan
	Bantuan Perkahwinan
	Bantuan Pertanian
	Bantuan Guaman Syarie
	Bantuan Selesai Hutang
	Bantuan Deposit Teksi
	Bantuan Deposit Van Sekolah
	Bantuan Deposit Motosikal OKU
	Bantuan Baiki/Bina/Beli Rumah
	Bantuan Sewa Rumah
	Bantuan Perubatan Am
	Bantuan Peralatan Perubatan
	Bantuan Hemodialisis

Jadual 3.2. sambungan

Unit Pembangunan Akademik	Bantuan Am Pelajaran
	Bantuan Biasiswa Cemerlang
	Bantuan Galakan Hafaz al-Quran
	Bantuan Pelajaran PUSRAWI
	Bantuan Pelajaran IPB
	Bantuan Dermasiswa Sekolah
	Bantuan Peralatan & Kecemasan Sekolah
	Bantuan Tuisyen
Unit Pembangunan Ummah	Bantuan Badan kebajikan/NGO
	Bantuan Institusi Pendidikan
Unit Khidmat Kaunter	Bantuan kecemasan
	Bantuan Ibnu Sabil
Unit Siasatan	Bantuan Musibah

Sumber: Bahagian Baitulmal MAIWP

Baitulmal MAIWP turut memperkenalkan Skim Bantuan Persediaan Pengajian Tinggi bagi mereka yang ditawarkan ke IPT dan ia menambahkan jumlah skim bantuan kepada 27 sehingga kini.¹³ Agihan zakat oleh Baitulmal MAIWP berdasarkan had kifayah yang ditetapkan. Had kifayah adalah pengiraan anggaran had secukup hidup sebulan bagi setiap individu di Wilayah Persekutuan. Pengiraan ini digunakan untuk menentukan tahap kemiskinan penerima bantuan zakat. Terdapat enam keperluan asasi manusia yang diambilkira iaitu tempat perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pelajaran dan pengangkutan.¹⁴


¹³ Laporan Kutipan dan Agihan Zakat MAIWP 2010-2011, h.12

¹⁴ “Jenis-jenis bantuan”, laman sesawang MAIWP, dicapai 6 Disember 2011, <http://www.maiwp.gov.my/index.php/perkhidmatan/bantuan-zakat-maiwp/359.html>.

3.6 Agihan Zakat Kepada Asnaf Fisabilillah dari Tahun 2007-2011

Jumlah keseluruhan agihan zakat kepada asnaf fisabilillah dalam tempoh 2007 hingga 2011 ialah RM493.5 juta. Berdasarkan rajah 3.2 di bawah, sepanjang tempoh tersebut dapat dilihat bahawa jumlah agihan zakat kepada asnaf fisabilillah sentiasa meningkat sepanjang tahun kecuali pada tahun 2009. Ini disebabkan oleh bilangan penerima yang semakin bertambah. Jumlah agihan zakat yang tertinggi adalah pada tahun 2011 sebanyak RM192.1 juta iaitu 38.9 peratus daripada jumlah keseluruhan agihan zakat berbanding pada tahun 2010 sebanyak RM93.7 juta. Jumlah agihan zakat yang ketiga tertinggi adalah pada tahun 2008 iaitu RM85.0 juta atau 17.2 peratus keseluruhannya.

Rajah 3.2. Jumlah Agihan Zakat Kepada Asnaf Fisabilillah Tahun 2007-2011



Sumber: MAIWP

3.7 Skim Bantuan Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang

Skim Bantuan Biasiswa merupakan skim bantuan baru yang mula diperkenalkan oleh Baitulmal MAIWP pada tahun 2006.¹⁵ Skim Bantuan Biasiswa ini ditawarkan kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran dalam negara dan luar negara. Pada peringkat

¹⁵ Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan,*Laporan Tahunan 2006*(Kuala Lumpur: MAIWP, 21.

permulaan hanya pelajar dalam negara yang ditawarkan skim ini. Hanya pada tahun 2007 skim bantuan ini ditawarkan kepada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran di luar negara iaitu di Mesir dalam bidang perubatan dan pengajian Islam sahaja.¹⁶ Manakala bidang pengajian yang dibiayai MAIWP dalam negara ialah bidang Pengajian Islam, Perakaunan, Kejuruteraan, Kejururawatan, Undang-undang, Perubatan, Pergigian, Farmasi dan Bioteknologi. Dari tahun 2006 sehingga tahun 2009 seramai 212 orang pelajar telah mendapat tajaan untuk melanjutkan pelajaran iaitu 119 orang pelajar di dalam negara dan 93 orang pelajar di luar negara.

3.7.1 Kelayakan Pemohon

Pelajar-pelajar yang memohon melalui Skim Bantuan Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang hendaklah memenuhi syarat asas permohonan. Syarat-syarat di bawah adalah bagi permohonan sesi 2009/2010 yang lalu. Syarat-syarat tersebut ialah:

- a. Warganegara Malaysia dan keutamaan diberikan pemastautin di Wilayah Persekutuan serta yang berhampiran.
- b. Pemohon juga telah menerima surat tawaran kemasukan ke tahun pertama pengajian (sesi 2009/2010) dari mana-mana institusi Pengajian Tinggi Awam tempatan yang diiktiraf.
- c. Pemohon tidak mendapat sebarang tajaan atau biasiswa daripada mana-mana pihak/penaja.
- d. Bersedia berkhidmat dengan MAIWP untuk tempoh sekurang-kurangnya 5 tahun sekiranya ditawarkan (atas keperluan).

¹⁶ Mohd Fadli bin Adam, dalam temu bual dengan penulis, 31 Mac 2010.

Manakala peringkat pengajian yang ditawarkan Biasiswa ini ialah diploma, ijazah pertama, ijazah lanjutan dan doktor falsafah. Jadual di bawah menunjukkan tentang peringkat pengajian, bidang pengajian, syarat akademik dan had umur yang ditetapkan oleh pihak Baitulmal bagi permohonan sesi akademik 2011/2012.¹⁷

Jadual 3.3. Peringkat Pengajian, Bidang Pengajian dan Syarat-Syarat Mengikuti Pengajian dalam Negara.

Peringkat Pengajian	Bidang Pengajian	Syarat Akademik	Had Umur Pada 31/12/2011
Diploma	i. Pengajian Islam ii. Perakaunan iii. Kejuruteraan iv. Kejururawatan	Lulus peperiksaan SPM 2008 dengan mendapat sekurang-kurangnya 2A dalam mana-mana 5 mata pelajaran berkaitan	Tidak melebihi 19 tahun
Ijazah Pertama	i. Pengajian Islam ii. Perakaunan iii. Undang-undang iv. Kejuruteraan v. Perubatan vi. Pergigian v. Farmasi vi. Bioteknologi	STAM: memperoleh sekurang-kurangnya 5 <i>Mumtaz</i> , 5 <i>Jayyid Jiddan</i> . STPM: memperoleh sekurang-kurangnya 3 prinsipal A termasuk Pengajian Am Diploma/Matrikulasi/A-Level/Foundation Studies yang diiktiraf dalam bidang berkaitan dengan pencapaian CGPA: 3.50 ke atas atau setaraf.	Tidak melebihi 25 tahun
Ijazah Sarjana	i. Pengajian Islam	Ijazah Sarjana muda yang diiktiraf dalam bidang berkaitan dengan pencapaian PNGK 3.50 ke atas dan setaraf.	Tidak melebihi 35 tahun
Ijazah Doktor Falsafah (PhD)	i. Pengajian Islam	Ijazah Sarjana muda yang diiktiraf dalam bidang berkaitan dengan pencapaian PNGK 3.50 ke atas dan setaraf.	Tidak melebihi 40 tahun


Sumber: Bahagian Baitulmal MAIWP

¹⁷“Kelayakan Pemohon”, laman sesawang MAIWP, dicapai 7 Disember 2011, <http://www.maiwp.gov.my/index.php/perkhidmatan/muat-turun/category/6-.html>.

3.8 Analisis Bantuan Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang dari tahun 2006 hingga 2009

3.8.1 Skim Bantuan Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang dalam Negara

Rajah 3.3: Bilangan Pelajar dalam Negara



Sumber: Baitulmal MAIWP

Dalam tempoh empat tahun Skim Bantuan Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang diperkenalkan seramai 119 orang pelajar telah menerima biasiswa ini. Pada tahun 2006 seramai 41 orang pelajar telah ditawarkan biasiswa ini. Manakala pada tahun 2007 seramai 55 orang pelajar telah menerima biasiswa ini. Seterusnya bilangan pelajar yang menerima biasiswa semakin berkurangan pada tahun 2008 dan 2009 dengan jumlah penerima Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang seramai 23 orang.

Jadual 3.4 menunjukkan bahawa dari tahun 2006 hingga 2009 Baitulmal MAIWP telah mengeluarkan perbelanjaan sebanyak RM627,061.50 untuk membiayai 119 orang pelajar di IPTA di seluruh Malaysia. Pembiayaan ini meliputi yuran pengajian dan elaun sara hidup pelajar sepanjang pengajian. Pada tahun 2006 seramai 41 orang pelajar terpilih menerima Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang dengan peruntukan sebanyak RM241,852.00.

Jumlah pelajar yang paling ramai menerima biasiswa ini adalah pada tahun 2007 iaitu seramai 55 orang pelajar dengan jumlah pembiayaan RM309,011.00. Seterusnya, pada tahun 2008 sebanyak RM76,198.50 telah diperuntukkan untuk membiayai 14 orang pelajar. Akhir sekali, pada tahun 2009 hanya 9 orang pelajar yang terpilih menerima Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang telah menerima peruntukan sebanyak RM35,000.00.

Jadual 3.4. Jumlah Peruntukan Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang dalam Negara dari Tahun 2006 hingga 2009

Tahun	Bil Pelajar	Jumlah (RM)
2006	41	241,852.00
2007	55	309,011.00
2008	14	76,198.50
2009	9	35,000.00
Jumlah	119	627,061.50

Sumber: Baitulmal, MAIWP

3.8.2 Skim Bantuan Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang Luar Negara

Tawaran biasiswa kepada pelajar di luar negara bermula pada tahun 2007 walaupun skim biasiswa diperkenalkan pada tahun 2006. Sebagai permulaan pada tahun 2007 seramai 20 orang pelajar telah terpilih menerima biasiswa dengan peruntukan sebanyak RM642,000.00. Manakala pada tahun 2008 seramai 51 orang pelajar menerima pembiayaan sebanyak RM1,924,000.00. Seterusnya, sebanyak RM796,800.00 telah diperuntukkan kepada 22 orang pelajar. Keseluruhannya seramai 93 orang pelajar telah dibiayai oleh Baitulmal MAIWP dengan peruntukan berjumlah RM3,362,800.00.

3.9 Penutup

Pengurusan zakat di MAIWP telah berjaya menjalankan tanggungjawab mengutip dan mengagihkan zakat kepada asnaf fakir, miskin, amil, mualaf, al-riqab, al-gharimin, fisabilillah dan ibn sabil. Saban tahun prestasi kutipan zakat oleh PPZ-MAIWP meningkat. Begitu juga dengan prestasi agihan zakat kepada asnaf-asnaf melalui 27 skim bantuan turut menunjukkan peningkatan dan telah membantu penerima meningkatkan sosioekonomi mereka. Dengan wujudnya Skim Bantuan Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang dapat membantu para pelajar yang tidak menerima bantuan daripada agensi-agensi lain untuk melanjutkan pengajian sama ada dalam negara ataupun luar negara. Dengan pembiayaan biasiswa ini para pelajar dapat menumpukan perhatian sepenuhnya dalam pelajaran tanpa menghadapi masalah kewangan.